

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Over The Counter Letter Of Credit Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*



**RHB BANK BERHAD**  
Registration No. 196501000373 (6171-M)

## OVER THE COUNTER LETTER OF CREDIT

Date: \_\_\_\_\_  
[to be filled by Relationship Manager]

### 1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

Letter of Credit (LC) is one of the payment methods for settlement of domestic and international trade transactions.

It is a written undertaking given by a bank (Issuing Bank) to the seller (beneficiary), at the request and on the instructions of the buyer (applicant), to pay at sight or at a determinable future date up to a stated sum of money, within a prescribed time limit and against compliant presentation of stipulated documents.

Over-The-Counter LC (OTCLC) is a LC facility offered to customers, secured against 100% Fixed Deposit or cash margin in Ringgit Malaysia (RM) / foreign currency for full LC amount plus variance / tolerance.

If security / collateral is in the currency of the LC, the cover shall be 100% of the full LC amount plus variance / tolerance, if any.

For foreign LC, we will earmark the Multi Currency Account for same currency amount. However, if the security is in RM equivalent, the cover shall be 120% (for new and existing customer) for the full LC amount plus variance / tolerance, if any. The RM equivalent shall be computed based on the Bank's prevailing counter selling rate. In addition, any fluctuation in foreign exchange rate causing the security / collateral cover in RM equivalent to fall below the required 120% for the full LC amount plus variance / tolerance, if any will require additional security / collateral to cover the increase and must be provided by customer.

Where LC amendment involves an increase in amount, additional security / collateral to cover the increase must be provided by applicant.

### BRIEF TERMS & CONDITIONS

The security pledged or charged to the Bank shall be in the form of cash margin or fixed deposit. All interest earned on the fixed deposit shall be capitalised. The Bank shall have custody of the receipt for the fixed deposit. The cash margin or fixed deposit shall be used to meet the Bank's payment obligations under the Letter of Credit. Upon presentation of the documents under the Letter of Credit to the Bank for payment, the Bank shall be at liberty to make such payment from the cash margin account. In the case of a fixed deposit account the Bank shall be entitled to uplift or liquidate the fixed deposit in the account whether or not it has matured and to use the proceeds thereof to discharge the Letter of Credit. If the amount of the fixed deposit liquidated are used to make partial payment claimed under the Letter of Credit, the balance of such proceeds of the fixed deposit after making such payment will be credited into the applicant's current account or cash margin account or other account maintained with the Bank. The amount credited into any such account shall not be utilised by the applicant but shall be earmarked and held by the Bank for subsequent payment of the unpaid balance of the Letter of Credit.

The applicant shall indemnify and keep the Bank indemnified against all actions, losses, damages, claims, costs, expenses, demands and liabilities of whatever nature which the Bank may incur, sustain or suffer by reason of the Bank at the request of the applicant in establishing the Letter of Credit including subsequent extensions and amendments thereof. In the case where the applicant shall be two or more persons the liabilities of the applicant shall be joint and several.

The Bank and its nominated bank shall assume no liability or responsibility for the form, sufficiency, accuracy, genuineness or legal effect of the documents received under the Letter of Credit nor for the quantity and/or quality of the merchandise described in such documents.

This Letter of Credit is subject to the Uniform Customs and Practice for Documentary Credits, International Chamber of Commerce Publication currently in force.

All transport documents are consigned or addressed to applicant/customer and one original for Bill of Lading or a copy of other

transport document are to be sent to the Customer and hence the issuance of Shipping Guarantee related to OTCLC is not allowed.

### 2. WHAT DO I GET FROM THIS PRODUCT?

Easily accessible, simplified, hassle free and faster application process.

You may gain better control of goods since the transport documents is consigned to you and a copy is sent directly to you. This will help you in savings due to faster clearance of goods avoiding additional demurrage and port charges.

### 3. WHAT ARE MY OBLIGATIONS?

You are to authorise the Bank to earmark your account maintained with the Bank or other security given to the Bank may be in the form of an advance cash payment or fixed deposit as security and also to authorise the bank to debit your account with us for the all charges incurred.

### 4. WHAT IS THE CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED?

OTCLC Issuance / Amendment / Acceptance– 2.00pm.

Foreign currency OTCLC payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time.

OTCLC Payment via RENTAS – 12.00pm.

OTCLC Payment via IBG – 2.00pm.

### 5. WHAT OTHER CHARGES DO I HAVE TO PAY?

<b>a) Stamp Duties</b>	
As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989)	
<b>b) Disbursement Fee</b>	
Not Applicable	
<b>c) Processing Fees</b>	
<b>OTCLC Commission</b>	0.10% per month or part thereof for the validity of OTCLC per transaction with Minimum (Min) RM150.00
<b>OTCLC Amendment Commission on Validity Period</b>	0.10% per month or part thereof for the extended period per transaction with Minimum RM50.00 for 1st amendment, RM100.00 for subsequent amendment  Flat: RM50.00 for 1st amendment. RM100.00 for subsequent amendment if the original commission charged is sufficient to cover the extended validity period of LC.
<b>OTCLC Amendment Commission on Increase in Amount</b>	0.10% per month or part thereof for the incremental value, Min: RM50.00 for 1st amendment. RM100.00 for subsequent amendment
<b>OTCLC Other</b>	Flat: RM50.00 for 1st amendment. RM100.00

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Over The Counter Letter Of Credit Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)



**RHB BANK BERHAD**  
Registration No. 196501000373 (6171-M)

## OVER THE COUNTER LETTER OF CREDIT

Date: \_\_\_\_\_  
[to be filled by Relationship Manager]

<b>Amendment</b>	for subsequent amendment per request		
<b>Inward Bills Acceptance Commission</b>	Commission 0.1% per month or part thereof on the usance tenor. Min RM100		
<b>If all charges outside Malaysia to be borne by applicant as stated in the LC terms and conditions, the following charges will be imposed.</b>	LC in foreign currency – RM2,000.00 (flat)		
	LC in RM – RM500.00 (flat)		
<b>Others</b>	Plus RM100.00 handling (service) fee for issuance and amendment of LC in hardcopy (applicable to all LC types). In addition, reimbursement/ payment fee, normal telex/ courier and other out of pocket charges, where applicable, will also be imposed.		
<b>Handling (Service) Fee</b>	Payment (RENTAS) – RM5.00		
	Postage (local & foreign) – RM5.00		
<b>Cost of Swift</b>		<b>Payment /Short (RM)</b>	<b>Long (RM)</b>
	<b>Local</b>	10.00	25.00
	<b>Singapore</b>	25.00	35.00
	<b>Asia</b>	25.00	70.00
	<b>Others</b>	30.00	80.00
<b>Cost of RENTAS</b>	Cable - RM3.00		
<b>Cost of Interbank GIRO (IBG)</b>	RM2.00		
<b>Postage/ Delivery Charges</b>	<b>Local Party</b>		
	<b>Normal mail</b>	RM2.00	
	<b>Registered mail</b>	RM3.00	
	<b>Courier / hand delivery</b>	Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00	
	<b>Foreign Party</b>		
	<b>Normal mail</b>	RM3.00	
<b>Registered mail</b>	RM5.00		
<b>Courier / hand delivery</b>	Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00		

<b>Services Tax (ST)</b>	<p>If any service made under OTCLC is a taxable service to which the ST would apply, then the Bank reserves the right to levy ST at the prescribe rate and the recipient of the service agrees to pay the amount of ST.</p> <p>You shall agree to bear all professional fees, taxes (including service tax or sales tax and/or applicable taxes that maybe imposed by the relevant authorities at any time and from to time throughout the subsistence of OTCLC Facility(ies)/Service(s)), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of the OTCLC Facility(ies)/Service(s).</p>
--------------------------	---

### 6. WHAT IF I FAIL TO FULFIL MY OBLIGATIONS?

OTCLC will not be issued until you fulfil your obligations.

### 7. WHAT IF I FULLY SETTLE THE LOAN DURING THE LOCK-IN PERIOD?

Not Applicable.

### 8. DO I NEED ANY INSURANCE COVERAGE?

Depending on the incoterm used. If required, your duly completed LC application form is to be supported by insurance policy/cover note/certificate, where applicable.

### 9. WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

### 10. WHERE CAN I GET ASSISTANCE AND REDRESS?

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. You may contact your **RHB Account Relationship Manager** or send an e-mail to us [trade.customer.solution@rhbgroup.com](mailto:trade.customer.solution@rhbgroup.com) or contact us at 03-9280 7447

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,  
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra  
Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2616 7766  
Laman web : <https://services.akpk.org.my/>

If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may e-mail us at [trade.customer.solution@rhbgroup.com](mailto:trade.customer.solution@rhbgroup.com) or contact us at 03-9280 7447.

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Over The Counter Letter Of Credit Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*



**RHB BANK BERHAD**  
**Registration No. 196501000373 (6171-M)**

### OVER THE COUNTER LETTER OF CREDIT

Date: \_\_\_\_\_  
[to be filled by Relationship Manager]

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:  
Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465  
Fax : 03-2174 1515  
E-mail : bnmtelink@bnm.gov.my

OR

Ombudsman for Financial Services (OFS)  
(Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:  
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur  
Telephone: 03-2272 2811  
Fax: 03-2272 1577  
Email: enquiry@ofs.org.my  
Website: <http://www.ofs.org.my>

#### 11. WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION?

Should you require any further information on our products, please visit nearest RHB Trade Finance Centre or log on to [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

for more information.

#### 12. OTHER TRADE SERVICES OR FINANCING AVAILABLE

We also provide an array of other transaction banking products, which may be able to suit your other needs. Kindly visit [http://www.rhbgroup.com/](http://www.rhbgroup.com) for further information.

**"IMPORTANT NOTE: IF YOU DO NOT KEEP UP WITH THE REPAYMENT OF YOUR FACILITIES, LEGAL ACTION MAY ALSO BE TAKEN AGAINST YOU"**

*The information provided in this disclosure sheet is valid from 10 March 2022 and is subject to change at the Bank's discretion from time to time with prior notification*

*The information in this Product Disclosure Sheet is given on a general basis without obligation and is strictly for information only. The information contained in this document are based on certain assumptions and information available as at the date of this document, all of which are accordingly subject to change at any time with notice. This document may be translated into a language other than English. The English version of this Product Disclosure Sheet shall prevail in case of any inconsistencies with other language version.*

**SURAT KREDIT DI KAUNTER**

Tarikh: \_\_\_\_\_  
 [Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Surat Kredit di Kaunter.. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am).

**1. APAKAH PRODUK INI?**

Surat Kredit (LC) merupakan salah satu kaedah pembayaran untuk menyelesaikan transaksi perdagangan domestik dan antarabangsa.

Ia merupakan aku janji bertulis yang diberikan oleh bank (Bank Pengeluar) kepada penjual (benefisiari), atas permintaan dan arahan pembeli (pemohon), untuk membayar, mengikut terma tampak (*at sight*) atau pada tarikh masa depan yang boleh ditentukan, sehingga jumlah wang yang dinyatakan, dalam had masa yang ditetapkan dan berdasarkan pengemukaan patuh dokumen yang disyaratkan.

LC Di Kaunter (OTCLC) merupakan kemudahan LC yang ditawarkan kepada pelanggan (pemohon), yang dijamin berdasarkan Deposit Tetap 100% atau margin tunai dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) / mata wang asing untuk amaun penuh LC, tambah varians/ toleransi.

Untuk LC asing, pihak Bank akan menguntukkan Akaun Pelbagai Mata Wang untuk amaun mata wang yang sama. Walau bagaimanapun, jika sekuriti adalah dalam amaun yang bersamaan dengan RM, perlindungannya hendaklah berjumlah sebanyak 120% (untuk pelanggan baharu dan sedia ada) daripada amaun penuh LC, tambah varians / toleransi, jika ada. Amaun yang bersamaan dengan RM hendaklah dikira berdasarkan kadar semasa jualan di kaunter pihak Bank. Selain itu, apa-apa turun naik dalam kadar pertukaran asing yang menyebabkan perlindungan sekuriti / cagaran dalam amaun yang bersamaan dengan RM jatuh di bawah jumlah 120% yang dikehendaki untuk amaun penuh LC tambah varians / toleransi, jika ada, akan memerlukan sekuriti / cagaran tambahan untuk melindungi kenaikan itu, dan mesti disediakan oleh pelanggan.

Jika pindaan LC melibatkan pertambahan dalam amaun, sekuriti / cagaran tambahan untuk melindungi pertambahan itu mesti disediakan oleh pemohon.

**TERMA & SYARAT RINGKAS**

Sekuriti yang dicagarkan atau digadaikan kepada pihak Bank hendaklah mengambil bentuk margin tunai atau deposit tetap. Semua faedah yang terakru ke atas deposit tetap akan dipermodalkan. Pihak Bank hendaklah berhak menyimpan resit bagi deposit tetap tersebut. Margin tunai atau deposit tetap hendaklah digunakan untuk memenuhi kewajipan pihak Bank untuk membuat bayaran di bawah Surat Kredit. Apabila dokumen di bawah Surat Kredit dikemukakan kepada pihak Bank untuk pembayaran, pihak Bank boleh membuat bayaran tersebut daripada akaun margin tunai.

Dalam hal akaun deposit tetap, pihak Bank berhak mengeluarkan atau mencairkan deposit tetap dalam akaun tersebut, tidak kira sama ada ia telah matang atau tidak, dan menggunakan hasil penerimaannya untuk menjelaskan Surat Kredit. Jika amaun deposit tetap yang dicairkan digunakan untuk membuat bayaran separa yang dituntut di bawah Surat Kredit, baki hasil penerimaan deposit tetap itu, selepas membuat bayaran tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun semasa pemohon, akaun margin tunai pemohon atau akaun lain pemohon yang dikekalkan dengan pihak Bank. Amaun yang dikreditkan ke dalam mana-mana akaun tersebut tidak boleh digunakan oleh pemohon tetapi hendaklah diuntukkan dan dipegang oleh pihak Bank untuk pembayaran berikutnya bagi baki Surat Kredit yang belum dibayar.

Pemohon hendaklah menanggung rugi dan terus menanggung rugi pihak Bank terhadap semua tindakan, kerugian, ganti rugi, dakwaan, kos, perbelanjaan, tuntutan dan liabiliti dalam apa jua bentuk yang mungkin ditanggung, dipikul atau dialami oleh pihak Bank (melainkan jika perkara tersebut timbul daripada kecuaihan melampau, salah laku sengaja, keingkaran sengaja atau penipuan oleh pihak Bank) oleh kerana tindakan pihak Bank, atas permintaan pemohon, dalam mengadakan Surat Kredit termasuk lanjutan dan pindaannya selepas itu. Sekiranya pemohon terdiri daripada dua orang atau lebih, liabiliti

pemohon hendaklah bersifat bersama dan berasingan.

Surat Kredit ini adalah tertakluk pada Adat dan Amalan Seragam untuk Kredit Berdokumen (*Uniform Customs and Practice for Documentary Credits*), Terbitan International Chamber of Commerce yang berkuat kuasa pada masa ini.

**2. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?**

Proses permohonan yang boleh dicapai dengan senang, dipermudah, tanpa kesusahan dan lebih cepat. Anda boleh mengawal barangan dengan lebih baik kerana dokumen pengangkutan dikirim kepada anda dan satu salinan dihantar terus kepada anda. Perkara ini akan membantu anda dari segi penjimatan kos kerana pelepasan barangan yang lebih pantas akan mengelakkan denda lewat (*demurrage*) dan caj pelabuhan tambahan.

**3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?**

- Anda dikehendaki supaya:
- membenarkan pihak Bank menguntukkan akaun anda yang dikekalkan dengan pihak Bank atau sekuriti lain yang diberikan kepada pihak Bank, yang boleh mengambil bentuk bayaran pendahuluan tunai atau deposit tetap sebagai sekuriti
  - memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun, dan membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan semua caj yang ditanggung, daripada akaun anda dengan kami.

**4. BILAKAH WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI?**

Pengeluaran / Pindaan / Penerimaan OTCLC – pukul 2.00 petang.

Pemprosesan pembayaran OTCLC dalam mata wang asing adalah tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan mata wang asing yang berkenaan.

Pembayaran OTCLC melalui RENTAS – pukul 12.00 tengah hari.

Pembayaran OTCLC melalui IBG – pukul 2.00 petang.

**5. APAKAH CAJ LAIN YANG PERLU SAYA BAYAR?**

<b>a) Duti Setem</b>	
Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak - 1989)	
<b>b) Fi Pemprosesan</b>	
<b>Komisen OTCLC</b>	0.10% sebulan atau sebahagian daripadanya selama tempoh kesahan LC bagi setiap transaksi dengan jumlah Minimum (Min) sebanyak RM150.00
<b>Komisen atas Pindaan Tempoh Kesahan OTCLC</b>	0.10% sebulan atau sebahagian daripadanya selama tempoh yang dilanjutkan bagi setiap transaksi dengan jumlah minimum sebanyak RM50.00 untuk pindaan pertama, RM100.00 untuk pindaan berikutnya
	Amaun sama rata: RM50.00 untuk pindaan pertama. RM100.00 untuk pindaan berikutnya jika komisen asal yang dikenakan caj adalah cukup untuk menampung tempoh kesahan LC yang dilanjutkan.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Surat Kredit di Kaunter.. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am).



RHB BANK BERHAD  
No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)

### SURAT KREDIT DI KAUNTER

Tarikh: \_\_\_\_\_  
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

<b>Komisen atas Pindaan Pertambahan Amaun OTCLC</b>	0.10% sebulan atau sebahagian daripadanya untuk nilai tambahan, Min: RM50.00 untuk pindaan pertama. RM100.00 untuk pindaan berikutnya.															
<b>Pindaan Lain OTCLC</b>	Amaun sama rata: RM50.00 untuk pindaan pertama. RM100.00 untuk setiap permintaan pindaan berikutnya.															
<b>Komisen Penerimaan Bil Masuk</b>	Komisen 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya mengikut tempoh usans. Min RM100															
<b>Jika semua caj di luar Malaysia akan ditanggung oleh pemohon seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat LC, caj berikut akan dikenakan.</b>	LC dalam mata wang asing – RM2,000.00 (amaun sama rata)  LC dalam mata wang RM – RM500.00 (amaun sama rata)															
<b>Lain-lain</b>	Tambah fi (perkhidmatan) pengendalian sebanyak RM100.00 bagi pengeluaran dan pindaan LC dalam salinan cetak (terpakai untuk semua jenis LC). Selain itu, fi pembayaran balik/ pembayaran, teleks/kurier biasa dan caj tunai langsung, jika berkenaan, juga akan dikenakan.															
<b>Fi (Perkhidmatan) Pengendalian</b>	Untuk pembayaran (RENTAS) – RM5.00  Untuk menerakan setem pada dokumen – RM5.00  Bayaran pos (tempatan & luar negeri) – RM5.00															
<b>Kos SWIFT</b>	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)</th> <th>Mesej Panjang (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>Tempatan</b></td> <td>10.00</td> <td>25.00</td> </tr> <tr> <td><b>Singapura</b></td> <td>25.00</td> <td>35.00</td> </tr> <tr> <td><b>Asia</b></td> <td>25.00</td> <td>70.00</td> </tr> <tr> <td><b>Lain-lain</b></td> <td>30.00</td> <td>80.00</td> </tr> </tbody> </table>		Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)	Mesej Panjang (RM)	<b>Tempatan</b>	10.00	25.00	<b>Singapura</b>	25.00	35.00	<b>Asia</b>	25.00	70.00	<b>Lain-lain</b>	30.00	80.00
	Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)	Mesej Panjang (RM)														
<b>Tempatan</b>	10.00	25.00														
<b>Singapura</b>	25.00	35.00														
<b>Asia</b>	25.00	70.00														
<b>Lain-lain</b>	30.00	80.00														
<b>Kos RENTAS</b>	Kawat - RM3.00															
<b>Kos Interbank GIRO (IBG)</b>	RM2.00															

<b>Caj Pos/ Penghantaran</b>	
<b>Tempatan Surat biasa</b>	RM2.00
<b>Surat berdaftar</b>	RM3.00
<b>Kurier / serahan tangan</b>	Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00
<b>Luar Negeri</b>	
<b>Surat biasa</b>	RM3.00
<b>Surat berdaftar</b>	RM5.00
<b>Kurier / serahan tangan</b>	Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00
<b>Cukai Perkhidmatan (ST)</b>	<p>Jika apa-apa perkhidmatan yang diberikan di bawah OTCLC ini merupakan perkhidmatan bercukai yang ke atasnya ST akan dikenakan, maka pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan ST pada kadar yang ditetapkan dan penerima perkhidmatan bersetuju untuk membayar jumlah ST itu.</p> <p>Anda hendaklah menanggung semua fi profesional dan cukai (termasuk cukai perkhidmatan atau cukai jualan dan/atau cukai berkenaan yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kemudahan / perkhidmatan OTCLC, dan perbelanjaan sendiri yang ditanggung dan sebarang fi atau perbelanjaan lain atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan kemudahan / perkhidmatan OTCLC.</p>

#### 6. BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL UNTUK MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

OTCLC tidak akan dikeluarkan sehingga anda memenuhi obligasi anda.

#### 7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN SEMUA BAKI PEMBIAYAAN SEMASA TEMPOH TERTUTUP?

Tidak Berkenaan.

#### 8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN APA-APA PERLINDUNGAN INSURANS?

Bergantung pada *incoterm* yang digunakan. Sekiranya diperlukan, borang permohonan OTCLC anda yang dilengkapi dengan sewajarnya akan disokong oleh polisi/nota lindung/sijil insurans marin, jika berkenaan.

#### 9. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT APA-APA PERUBAHAN KEPADA MAKLUMAT PERHUBUNGAN SAYA?

Penting bahawa anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Surat Kredit di Kaunter.. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am).



RHB BANK BERHAD  
No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)

### SURAT KREDIT DI KAUNTER

Tarikh: \_\_\_\_\_  
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

#### 10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda patut menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi **Pengurus Perhubungan Akaun RHB** anda atau menghantar e-mel kepada kami pada alamat [trade.customer.solution@rhbgroup.com](mailto:trade.customer.solution@rhbgroup.com) atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,  
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,  
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2616 7766  
Laman web : <https://services.akpk.org.my/>

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghantar e-mel kepada kami pada alamat [trade.customer.solution@rhbgroup.com](mailto:trade.customer.solution@rhbgroup.com) atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak mendapat penjelasan

atau penyelesaian yang memuaskan daripada kami, anda boleh

menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:  
Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465  
Faks : 03-2174 1515  
E-mel : [bnmteletelink@bnm.gov.my](mailto:bnmteletelink@bnm.gov.my)

ATAU

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)  
(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:  
Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur  
Telefon: 03-2272 2811  
Faks: 03-2272 1577  
E-mel: [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman web: <http://www.ofs.org.my>

#### 11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk kami, sila kunjungi Pusat Pembiayaan Perdagangan RHB (*RHB Trade Finance Centre*) yang terdekat atau log masuk ke laman [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) untuk mendapatkan maklumat tambahan.

#### 12. PERKHIDMATAN ATAU PEMBIAYAAN PERDAGANGAN LAIN YANG TERSEDIA

Kami juga menyediakan pelbagai produk perbankan transaksi, yang mungkin dapat memenuhi keperluan anda yang lain. Sila lawati laman [http://www.rhbgroup.com/](http://www.rhbgroup.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**CATATAN PENTING: JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BALIK BAGI KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA ANDA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG JUGA BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA.**

*Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah dari 10 Mac 2022 dan tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa dengan pemberian notis terlebih dahulu*

*Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara am tanpa tanggungjawab, dan adalah semata-mata untuk maklumat anda. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah berdasarkan andaian tertentu dan maklumat yang boleh didapati seperti pada tarikh dokumen ini, dan oleh demikian, kesemuanya adalah tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dengan notis. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam sesuatu bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Versi Bahasa Inggeris Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah mengatasi versi bahasa lain sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten.*